



SIARAN AKHBAR

BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK MENGINGATKAN ORANG RAMAI TERHADAP RISIKO MATAWANG KRIPTO, PENEMPAAN MATAWANG KRIPTO (*CRYPTO MINING*) DAN PENIPUAN BERKAITAN AKTIVITI-AKTIVITI TERSEBUT

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sebelum ini telah mengeluarkan dua siaran akhbar mengenai matawang kripto iaitu pada 4 Rabiulakhir 1439H bersamaan dengan 22 Disember 2017M; dan 8 Sya'aban 1439H bersamaan dengan 24 April 2018M.
2. BDCB sekali lagi ingin menekankan bahawa matawang kripto tidak sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam dan tidak dikawal selia oleh BDCB memandangkan ia beroperasi secara bebas daripada autoriti-autoriti monetari atau bank-bank pusat. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaannya berkemungkinan dikawal selia jika ia termasuk di dalam mana-mana perundangan di bawah bidang kuasa BDCB di mana keperluan-keperluan khusus mesti dipatuhi. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perniagaan atau individu yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada orang awam dalam bentuk pengambilan deposit, pemberian pinjaman, pengiriman dana masuk atau keluar negeri, perkhidmatan pertukaran matawang asing, dan pengeluaran sekuriti.
3. Sehingga kini, BDCB terus memantau perkembangan isu-isu berkaitan dengan matawang kripto untuk memastikan langkah-langkah regulatori adalah setimpal dengan risikonya. BDCB mengambil maklum terhadap pertumbuhan pesat matawang kripto secara global dan seterusnya, minat di kalangan orang ramai yang meningkat. Sehubungan dengan itu, BDCB sedang membentuk rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan bagi melesenkan dan menyelia matawang kripto dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.
4. BDCB mengambil maklum bahawa salah satu aktiviti yang semakin mendapat perhatian ialah penempaan matawang kripto [*crypto mining*]. Penempaan matawang kripto adalah satu proses yang mengesahkan transaksi-transaksi dalam rangkaian *blockchain* untuk menghasilkan matawang kripto baru dengan menyelesaikan *cryptographic puzzles* yang rumit. Proses ini memerlukan penggunaan mesin dengan kuasa pengkomputeran yang besar dan melibatkan penggunaan elektrik yang tinggi. Dalam hal ini, penggunaan komputer atau mesin-mesin lain secara khusus untuk menjalankan aktiviti penempaan matawang kripto adalah di luar bidang kuasa BDCB. Namun demikian, BDCB akan berusaha untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang relevan bagi menangani isu-isu berkaitan dengan penempaan matawang kripto.

5. BDCB mempunyai peranan yang penting dalam melindungi kepentingan dan integriti sistem kewangan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, BDCB ingin menekankan kepada orang ramai untuk berhati-hati sebelum berurusan dengan matawang kripto serta produk-produk berkaitan dengannya dan memahami secara menyeluruh risiko-risiko yang berkaitan. Orang ramai juga diingatkan untuk berhati-hati dengan penipuan matawang kripto yang menjanjikan pulangan yang tinggi melalui pelaburan yang banyak diiklankan di atas talian dan melalui media sosial.
6. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB melalui talian 8318388; emel info@bdcg.gov.bn; melayari laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn; atau dengan mengikuti BDCB di Instagram @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 6 Rabiulakhir 1444/ 1 November 2022

Ruj: BDCB/COMMS/3